

02/02/2003

PM buat pengumuman sistem pendidikan agama

Jamaludin Husin

MUAR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka membuat pengumuman penting berhubung pelaksanaan sistem pendidikan agama di negara ini, dalam pertemuan dengan pimpinan parti di seluruh negara yang dijadual diadakan di Kuala Lumpur pada 13 Februari ini.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata pertemuan itu bertujuan menjelaskan kepada pemimpin dan rakyat terhadap keputusan Kerajaan Persekutuan memberhentikan bantuan kepada Sekolah Agama Rakyat (SAR) di seluruh negara berkuatkuasa awal tahun ini.

Beliau berkata, pertemuan itu membolehkan semua peringkat kepimpinan parti memahami dengan jelas apakah usaha dan langkah yang akan dilakukan kerajaan untuk mengatasi masalah pendidikan agama Islam di negara ini.

Katanya, pertemuan itu penting kerana pihak pembangkang kini memutarbelitkan isu SAR kerana pada pandangan mereka tindakan kerajaan itu bertujuan menerapkan nilai sekular dalam sistem pendidikan agama di negara ini.

"Mereka juga sedang giat berkempen kononnya kerajaan tidak memberi perhatian terhadap sistem pendidikan agama bertujuan mengalih pandangan rakyat terhadap cara ajaran Islam disampaikan di SAR apabila pelajar agama dididik perkara bercanggah dengan ajaran Islam sebenar.

"Justeru, usaha kerajaan untuk menyelamatkan pelajar daripada mengikuti ajaran agama yang bertentangan apabila mengambil keputusan tidak mengekalkan SAR disalah tafsir pemimpin pembangkang termasuk melemparkan pelbagai tohmahan memburukkan kepimpinan kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Sambutan Jubli Emas Kampung Baharu Melayu Batu 28 Lenga, di Balai Persatuan Belia kampung itu, di Lenga, dekat sini, semalam.

Hadir sama Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN&HEP) negeri yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Jorak, Samat Aripin, Adun Bukit Serampang, Mohd Tahir Taat dan Pengerusi Sambutan, Abu Bakar Mohamad.

Muhyiddin yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berkata, kerajaan Pusat mempertikaikan cara ajaran disampaikan di SAR terutama dari segi kelemahan pengajaran sehingga menyebabkan anak-anak tidak memahami erti sebenar ajaran agama yang perlu diikuti serta dicontohi.

Beliau berkata, apa yang lebih penting tindakan menutup SAR bertujuan mengelak pelajar agama daripada terus terjebak dengan sistem pendidikan yang pincang kerana ajaran disampaikan di sekolah itu tidak menepati ajaran Islam mutlak.

"Sehubungan itu, katanya, kerajaan cuba memperbaiki kelemahan sistem yang diajar di SAR dan tindakan memberhentikan bantuan bukan bertujuan

menutup SAR sebagaimana yang dijelaskan oleh pemimpin kerajaan sebelum ini.

"Tindakan kerajaan memberhentikan bantuan kepada SAR bertujuan memastikan pelaksanaan sistem pendidikan agama tidak dipengaruhi sentimen negatif sebaliknya perlu mengikut landasan dan asas ajaran agama yang betul," katanya.

Beliau berkata, pemimpin pembangkang sengaja memeralatkan SAR untuk mengembangkan pengaruh politik dengan menyemai perasaan bencikan pihak yang tidak menyokong parti mereka.

Katanya, langkah memperbaiki sistem pendidikan agama dilakukan atas kesedaran kerajaan bahawa masalah ini jika tidak ditangani segera menyebabkan rakyat akan menghadapi masa depan sukar.

"Pelajar lepasan SAR akan mempunyai pandangan agama yang sempit berikutan ajaran yang diterima tidak berlandaskan kepada ajaran Islam sebenar.

"Keadaan itu juga jika dibiarkan berlarutan boleh menimbulkan kepincangan dalam masyarakat Islam sehingga sukar untuk diperbaiki dalam masa singkat dan langkah yang akan diumumkan Perdana Menteri terhadap pelaksanaan sistem pendidikan agama bertujuan mahu mengatasi masalah itu," katanya.

Muhyiddin berkata, walaupun terpaksa mengeluarkan peruntukan besar bagi tujuan itu, namun Kerajaan Pusat berkemampuan untuk melaksanakan sistem pendidikan agama yang sempurna termasuk dari segi penyediaan bangunan, kemudahan peralatan pembelajaran, prasarana, serta tenaga pengajar terlatih.

Beliau berkata, pelaksanaan sistem itu juga termasuk mengambil kira penyediaan kurikulum tersusun serta perancangan rapi terhadap kejayaan pelajar berbanding sistem yang dilaksanakan di SAR sekarang.

Katanya, langkah itu sekali gus dapat menghilangkan rasa curiga ibu bapa terhadap ajaran agama yang dipelajari oleh anak mereka.